

21 MAR 1997

MAHATHIR TIBA DI JEDDAH UNTUK MULAKAN LAWATAN KE SAUDI

Oleh: Amin Husaini Harun

JEDDAH, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Jeddah hari ini untuk memulakan lawatan tiga hari ke Arab Saudi.

Beliau yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali seterusnya ke Mekah untuk mengerjakan umrah sebelum ke Riyadh esok.

Ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang antarabangsa Jeddah disambut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Duta Malaysia ke Arab Saudi Sapii Abu Samah.

Dr Mahathir akan menerima Anugerah Hadiah Antarabangsa Raja Faisal kerana perkhidmatannya kepada Islam bagi tahun 1997 pada Sabtu malam (awal pagi Ahad Malaysia).

Perdana Menteri dijadual mengadakan persidangan berita selepas majlis penganugerahan itu. -- BERNAMA

AHH RON